



KERTAS CADANGAN

**Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV)
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MEDAC)
2020
(Pengurusan Lean)**

Disediakan Untuk:

**Aslita Sdn Bhd
No.19 & 21, Jalan 3/10B,
Spring Crest Industrial Park,
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.
(u.p.: Tuan Syed Ebrahim Mohamed Ziauddin)**

Disediakan Oleh:

**Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Pejabat Wilayah Tengah (CRO)
Lorong Produktiviti off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor.**

1.0 PENGENALAN

Sistem pengurusan yang baik di dalam sesebuah syarikat adalah merupakan matlamat utama untuk terus cemerlang dan berdaya saing serta kekal produktif. Pelbagai kaedah pengurusan yang boleh dilaksanakan oleh syarikat berdasarkan keperluan dan kesesuaian. Sistem Pengurusan Lean (*Lean Management*) adalah salah satu sistem pengurusan yang berkesan untuk menghapuskan pembaziran di dalam syarikat serta meningkatkan kecekapan operasi syarikat. Pengurusan Lean ini telah lama digunapakai di syarikat-syarikat besar seperti Toyota, Honda dan sebagainya. Keberkesanan pelaksanaan Pengurusan Lean ini bukan sahaja dapat dilihat di sektor pembuatan malah ia juga sesuai untuk dilaksanakan di sektor perkhidmatan.

Cabaran pada masa kini yang perlu dihadapi oleh syarikat-syarikat di Malaysia terutamanya PKS adalah peningkatan kos operasi, permintaan pelanggan yang tinggi dan kualiti pengeluaran. Bagi mengatasi cabaran ini, Sistem Pengurusan Lean dilihat dapat membantu syarikat untuk meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti syarikat melalui penghapusan pembaziran.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Lean ini memerlukan penglibatan semua peringkat tanpa pengecualian. Komitmen pengurusan atasan merupakan kunci utama kejayaan program ini disamping sokongan dan kerjasama penuh daripada para pekerja. Bagi program Pembangunan Kapasiti Vendor ini, syarikat akan dibimbing oleh MPC bagi melaksanakan program Pengurusan Lean di syarikat untuk membantu meningkatkan kecekapan operasi dan peningkatan produktiviti syarikat.

Program selama setahun ini akan dipantau oleh syarikat anchor masing-masing dan akan dilaporkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MEDAC).

2.0 OUTCOME PENGURUSAN LEAN

Pelaksanaan Program Pengurusan Lean ini dijangka akan mencapai beberapa outcome yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi seperti berikut:

- Menghapuskan atau pengurangan masa menunggu
- Mengurangkan 'Lead Time' iaitu masa diambil untuk menyiapkan sesuatu produk atau perkhidmatan
- Mengurangkan kerumitan kepada proses
- Menghapuskan proses yang tidak diperlukan
- Menambahbaik kualiti dan kestabilan aktiviti dan aliran kerja
- Meningkatkan moral staf
- Meningkatkan ketelusan proses kepada pelanggan dalaman dan luaran.

3.0 PELAKSANAAN PROGRAM

3.1 Tempoh pelaksanaan program adalah selama setahun bermula September 2019 dan akan berakhir pada September 2020. Syarikat adalah diminta untuk mengikuti program ini sehingga tamat. Penarikan diri daripada program perlu dimaklumkan kepada MPC secara bertulis setelah mendapat persetujuan daripada syarikat anchor.

3.2 Setiap syarikat vendor yang terlibat akan mengikuti beberapa aktiviti program yang telah ditetapkan oleh MPC seperti berikut:

- i. Program Intervensi (Latihan dan Perundingan) Pengurusan Lean (6 bulan)
- ii. Kem Pembudayaan Lean (2 hari)
- iii. Bengkel Pengukuran Produktiviti (1 hari)
- iv. Penilaian dan Pengiktirafan Lean

Setiap syarikat adalah diwajibkan mengikuti aktiviti di atas sepertimana yang telah ditetapkan oleh MEDAC. Kegagalan mengikuti program akan dilaporkan kepada syarikat anchor dan MEDAC. Carta perbatuan program adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.0 CADANGAN AKTIVITI PROGRAM PPKV-MEDAC (PENGURUSAN LEAN)

4.1 Intervensi Pengurusan Lean (Latihan dan Perundingan)

Program ini merupakan satu program gabungan latihan dan perundingan oleh Perunding (Consultant) yang dilantik oleh MPC. Program ini dijadualkan selama enam (6) bulan di syarikat vendor.

Perunding akan membimbing syarikat selama 10 hari (merangkumi latihan dan perundingan). Pengisian program intervensi ini adalah seperti jadual berikut:

BIL	AKTIVITI	OBJEKTIF	PESERTA	KUANTITI
1.	i. Sesi <i>engagement</i> Pengurusan Atasan ii. <i>Lean Healthcheck Pre-Assessment</i> iii. Gamba	i. Mendapatkan pengesahan dan persetujuan Pengurusan Atasan ii. Menilai tahap kesediaan syarikat ke arah pelaksanaan Pengurusan Lean iii. Menilai operasi syarikat secara keseluruhan	• Pengurusan Atasan • Penyelia • Pekerja	1/2 Hari
2.	Kursus Pengurusan Lean	i. Memahami asas Lean ii. Memahirkan dengan penghapusan 7 Pembaziran iii. Membentuk strategi pelaksanaan Lean	• Penyelia • Pekerja • Kumpulan Projek	2 Hari
3.	Kursus Alat dan Teknik Lean	i. Mempelajari konsep asas alat dan teknik Pengurusan Lean ii. Mengaplikasi konsep Pengurusan Lean di dalam projek Kaizen	• Penyelia • Pekerja • Kumpulan Projek	2 Hari
4.	Khidmat Perundingan Projek	i. Khidmat nasihat terhadap semua projek kaizen yang dilaksanakan oleh syarikat vendor	• Penyelia • Pekerja • Kumpulan Projek	5 Hari
5.	Penyemakan Pencapaian Projek dan Post Assessment Pembentangan Akhir Projek Pengurusan Lean	• Membantu penyediaan Laporan Akhir Pencapaian Projek	Pengurusan Dan Semua Kumpulan	1/2 Hari

*Cadangan program adalah tertakluk kepada perubahan

4.2 KEM PEMBUDAYAAN LEAN

Kem Pembudayaan Lean merupakan salah satu aktiviti yang telah ditetapkan di dalam Program Pengurusan Lean PPKV-MEDAC 2020 ini. Program ini akan melibatkan 2 orang wakil daripada syarikat vendor yang telah terpilih mengikuti program PPKV-MEDAC 2020.

Objektif utama pelaksanaan Kem Pembudayaan Lean ini adalah untuk:

- i. Menerapkan nilai-nilai penambahbaikan berterusan kepada syarikat vendor yang bertujuan memastikan pelaksanaan dan kelestarian Program Pengurusan Lean dapat diteruskan oleh syarikat vendor setelah program tamat nanti.
- ii. Menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan program-program peningkatan produktiviti kepada syarikat vendor.
- iii. Perkongsian amalan terbaik daripada syarikat-syarikat vendor yang telah berjaya mengikuti program PPKV-MEDAC sebelum ini.

4.3 BENGKEL PENGUKURAN PRODUKTIVITI

Bengkel Pengukuran Produktiviti merupakan salah satu aktiviti yang telah ditetapkan di dalam Program Pengurusan Lean PPKV-MEDAC 2020 ini. Syarikat vendor yang terpilih mengikuti program ini akan dijemput untuk hadir ke bengkel ini yang bertujuan untuk membantu syarikat vendor memahami kaedah dan mengukur prestasi produktiviti syarikat dengan menggunakan e-PGM.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk:

- i. Membantu syarikat vendor untuk menentukan prestasi produktiviti berdasarkan kepada pelan strategik.
- ii. Mengukur prestasi peningkatan produktiviti syarikat vendor
- iii. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh syarikat vendor dan mencadangkan peluang penambahbaikan

- iv. Menanda aras prestasi produktiviti syarikat terbaik di dalam industri/sektor yang sama dengan syarikat vendor
- v. Menjadikan pengukuran produktiviti sebagai satu amalan berterusan di syarikat vendor setelah program PPKV berakhir

4.4 PENILAIAN DAN PENGIKTIRAFAN LEAN

Pengiktirafan Lean adalah merupakan salah satu usaha MPC bagi menghargai dan mengiktiraf syarikat-syarikat vendor yang telah melaksanakan projek intervensi Pengurusan Lean. Pengiktirafan Lean ini juga merupakan satu kaedah untuk menyokong syarikat vendor untuk terus melaksanakan aktiviti penambahbaikan berterusan.

Syarikat vendor yang terlibat dan tamat projek Pengurusan Lean ini akan dinilai oleh MPC untuk diberikan Pengiktirafan Lean mengikut kriteria dan standard yang telah ditetapkan. Penilaian Pengiktirafan Lean ini akan dilakukan oleh Pegawai MPC yang akan ditentukan oleh unit terbabit.

Outcome Pengiktirafan Lean kepada syarikat-syarikat vendor yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Syarikat akan dihargai dan diiktiraf oleh MPC sebagai pengamal Pengurusan Lean.
- ii. Direkodkan sebagai Productivity Champion MPC
- iii. Pengiktirafan Lean sebagai satu KPI untuk dicapai oleh syarikat vendor bagi memastikan kelestarian program ini selepas tamat program

**CARTA PERBATUAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR (PPKV)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & USAHAWAN (MEDAC) 2020
(PENGURUSAN LEAN)**

Fasa	Bi l	Aktiviti	2019				2020								
			9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9
1	1	Penerima Surat Setuju Terima & Kontrak PPKV-MED 2019													
	2	Pengumpulan Data Syarikat Vendor													
	3	Engagement bersama Syarikat Vendor													
2	4	Kem Pembudayaan Pengurusan Lean													
	5	Program Intervensi Pengurusan Lean (Latihan dan Perundingan)													
3	6	Productivity Gain Measurement (PGM)													
	7	Lean Recognition													

Nota:

1. Semua syarikat vendor wajib mengikuti semua aktiviti program (perkara 2 - 7) yang telah ditetapkan oleh MEDAC & MPC.
2. Penarikan diri daripada program hendaklah dibuat secara bertulis kepada anchor dan dimaklumkan kepada MPC.
3. Syarikat vendor perlu memberikan komitmen dan kerjasama di dalam menjalankan program ini.
4. Carta perbatuan program ini adalah tertakluk kepada perubahan. Sebarang penundaan atau perubahan jadual program hendaklah mendapat persetujuan bersama antara MPC dan syarikat vendor.

5.0 PESERTA PROGRAM

Pemilihan dan penyediaan peserta akan dibuat sepenuhnya oleh pihak syarikat vendor. Antara cadangan adalah seperti:

- ✓ Pengurusan, Eksekutif dan Penyelia
- ✓ Bahagian Kualiti
- ✓ Operator

6.0 TENAGA PENGAJAR

Fasilitator yang akan mengendalikan program ini adalah MPC dan MPC's Partner

7.0 PENERIMAAN KERTAS CADANGAN

- Kerjasama daripada pihak organisasi amat diperlukan bagi memastikan program ini memberi faedah dan kebaikan untuk kedua belah pihak
- Perbincangan secara profesional perlu diadakan seandainya syarikat ingin menarik diri daripada program atas sebab yang boleh diterima oleh semua pihak terlibat.
- Cadangan tarikh bagi setiap aktiviti adalah digalakkan pada hari bekerja.
- Syarikat perlu menyediakan tempat latihan di syarikat masing-masing. Ia adalah disyorkan bahawa latihan yang dijalankan di luar persekitaran pejabat untuk meningkatkan nilai keberkesanan program.
- Kemudahan Latihan seperti LCD Projector, papan putih dan bilik latihan hendaklah disediakan oleh syarikat vendor.
- Mana-mana pembatalan/penangguhan dan/atau perubahan butir-butir program yang dibuat oleh pelanggan hendaklah dimaklumkan kepada MPC secara bertulis.

8.0 PERTANYAAN DAN PERBINCANGAN

Untuk keterangan lanjut / sebarang maklumbalas / pertanyaan, sila hubungi

Pengarah Program:

Encik Rosmi Bin Abdullah

Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Pejabat Wilayah Tengah (CRO)

Tel: 03-7955 7266 samb. 536

M: 013 – 9280 509

Faks : 03-7955 1824

E-mel: rosmi@mpc.gov.my

Penyelia Program:

Puan Saliza Saari

Timbalan Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Pejabat Wilayah Tengah (CRO)

Tel: 03-7955 7266 samb. 318

M: 012-2585 046

Faks : 03-7955 1824

E-mel: saliza@mpc.gov.my

Penyelaras Program:

Encik Mohd Faizol Abd Rahman

Penolong Pengurus

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Pejabat Wilayah Tengah (CRO)

Tel: 03-7955 7266 samb. 321

M: 013 – 711 8134

Faks : 03-7955 1824

E-mel: mohdfaizol@mpc.gov.my



SURAT SETUJU TERIMA

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR (PPKV) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI (MEDAC) 2020 (PENGURUSAN LEAN)

Dengan ini, syarikat kami **BERSETUJU/TIDAK BERSETUJU*** untuk mengikuti Program Pengurusan Lean yang dikendalikan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di bawah Program Pembangunan Kapasiti Vendor – Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (PPKV-MEDAC) bagi tahun 2019 - 2020 mengikut pelan perancangan yang ditetapkan.

Nama Syarikat : ASLITA SDN BHD
Alamat Syarikat : NO 20 JALAN 4/10 B, SPRING CREST
INDUSTRIAL PARK, 68100 KUALA LUMPUR

Nama Pengarah Urusan : SYED EBRAHIM BIN MOHAMED ZIAUPDIN
No. Telefon : 012-3885520
No. Faks : 03-61867635
Email : syedebrahim@gmail.com ~~aslita.com~~


Nama :
Tarikh :



**Potong yang tidak berkenaan*

Borang Setuju Terima yang telah lengkap diisi hendaklah ~~dikembalikan~~ dikembalikan kepada:

Perbadanan Produktiviti Malaysia
Pejabat Wilayah Tengah
Lorong Produktiviti off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7955 7266 Faks: 03-7955 1824

Untuk Perhatian

- | | |
|---------------------------------|-----------------------|
| 1. Encik Rosmi Abdullah | rosmi@mpc.gov.my |
| 2. Puan Saliza Saari | saliza@mpc.gov.my |
| 3. Encik Mohd Faizol Abd Rahman | mohdfaizol@mpc.gov.my |